

Teknik *Role Play* sebagai Kaedah Pembelajaran Bagi Meningkatkan Kemahiran Bertutur Bahasa Mandarin dalam Kalangan Pelajar di UiTM Kelantan

Norlida Razali*¹, Siti Anisah Mohd Hatta²

*Akademi Pengajian Bahasa, Universiti
Teknologi Mara Cawangan Kelantan^{1,2}*

norlida8093@uitm.edu.my*

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan teknik *Role play* sebagai salah satu kaedah pembelajaran bagi meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Mandarin dalam kalangan pelajar bukan penutur jati di Universiti Teknologi Mara Cawangan Kelantan, (UiTMCK). Kajian ini bersifat kualitatif dan data dikumpul dengan menggunakan teknik pemerhatian secara langsung, perbincangan dan temubual untuk menilai keberkesanan teknik *Role play* dalam kaedah pembelajaran bahasa Mandarin. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar bukan penutur jati boleh mengatasi masalah bertutur bahasa Mandarin dengan menggunakan teknik *Role play*. Hasil kajian juga mendapati bahawa teknik roleplay dapat membantu pelajar membina keyakinan diri dalam menguasai bahasa asing. Teknik pembelajaran ini juga dilihat dapat mewujudkan satu suasana yang kondusif dan santai yang mendorong pelajar khususnya dalam kalangan bukan penutur jati untuk meningkatkan tahap penguasaan kemahiran bertutur dalam bahasa Mandarin bukan sahaja di dalam kelas, malah di luar kelas.

Kata kunci: Teknik *Role play*, kaedah pembelajaran, kemahiran bertutur bahasa Mandarin, bukan penutur jati

ABSTRACT

This study aims to discuss the role-play technique as a learning method to enhance Mandarin speaking skills among non-native speakers at Universiti Teknologi Mara Kelantan Branch (UiTMCK). The research adopts a qualitative approach, collecting data through direct observation, discussions, and interviews to evaluate the effectiveness of role-play in Mandarin language learning. Findings indicate that non-native speakers can overcome difficulties in speaking Mandarin by using role-play techniques. The results also show that role play helps students build self-confidence in mastering a foreign language. Moreover, this learning technique creates a conducive and relaxed environment that encourages students, especially non-native speakers, to improve their Mandarin speaking abilities not only in the classroom but also beyond it.

Keywords: *Role play technique, learning method, Mandarin speaking skills, non-native speakers*

PENGENALAN

Bahasa Mandarin merupakan bahasa ketiga atau salah satu bahasa asing yang paling dominan di Malaysia. Kebanyakan pelajar yang belajar di UiTMCK tidak mempunyai pengetahuan asas dalam bahasa Mandarin. Namun begitu terdapat segelintir daripada mereka yang telah pun mempunyai pendedahan dalam bahasa Arab kerana terdapat dalam kalangan mereka telah mula mempelajari bahasa Arab dari peringkat sekolah rendah sehinggalah ke peringkat sekolah menengah. Majoriti pelajar yang berada di UiTMCK juga adalah pelajar-pelajar yang berasal dari Kelantan dan Pantai Timur. Di UiTMCK pelajar-pelajar diberi pilihan sama ada ingin mendaftar dalam kursus elektif bahasa Mandarin atau bahasa Arab. Terdapat juga kursus yang menetapkan syarat pelajar perlu mendaftar kursus bahasa Mandarin seperti pelajar dari BA132, dan IC210 dimana kursus bahasa Mandarin merupakan kursus yang harus dipilih dan dipelajari oleh mereka. Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa orang pelajar yang telah mempunyai asas dalam kemahiran bahasa Mandarin kerana bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina sama ada pada peringkat sekolah rendah atau menengah. Pelajar-pelajar ini kebiasaannya berjaya memperoleh keputusan yang cemerlang dalam kursus bahasa Mandarin. Namun, bagi pelajar yang tidak mempunyai pendedahan khusus dalam bahasa ini, ia merupakan satu cabaran kepada mereka kerana kebanyakan mereka belum pernah mempelajari bahasa Mandarin.

Bagi pelajar Diploma Teknologi Pengurusan Pejabat (BA132), kursus bahasa Mandarin merupakan kursus bahasa asing yang didaftarkan oleh mereka semasa berada di semester tiga peringkat diploma. Mereka akan mula mengambil kursus ini bermula dengan peringkat pertama iaitu Bahasa Mandarin Asas Tahap I (TMC101) diikuti dengan Bahasa Mandarin Asas Tahap II (TMC151) pada semester berikutnya. Untuk mengikuti pembelajaran tahap II, mereka perlulah lulus bahasa Mandarin Asas pada tahap I. Majoriti pelajar daripada bidang ini amat berminat dalam mempelajari bahasa Mandarin, bagi mereka ini merupakan pengetahuan baru yang amat berguna untuk dipraktikkan dalam komunikasi harian. Kebanyakan mereka juga menyedari kepentingan individu yang dapat berkomunikasi dalam pelbagai bahasa seperti bahasa Inggeris dan Mandarin. Sesuai dengan latar belakang masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, kebolehan berkomunikasi dalam bahasa selain bahasa Melayu, semestinya akan memberi nilai tambah dalam kebolehan pasaran kerja di masa hadapan.

Secara umumnya, walaupun para pelajar masih belum mempunyai kemahiran asas dalam bahasa Mandarin, namun mereka telah mempunyai sedikit pendedahan terhadap bahasa tersebut memandangkan kaum Cina merupakan kaum yang kedua terbesar di Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023). Selain itu, media massa juga sering menonjolkan bahasa Mandarin sebagai medium komunikasi samaada dalam pengiklanan televisyen, lagu atau drama. Oleh itu sedikit sebanyak mereka telah terbiasa mendengar beberapa pertuturan umum seperti *xiexie*, *ni hao*, *chifan*, *wo ai ni* dan beberapa lagi perkataan lain yang sering didengar dalam komunikasi harian. Pendedahan ini turut menjadi salah satu faktor yang mencetuskan minat mereka

untuk mempelajari bahasa Mandarin. Seperti yang kita ketahui minat juga merupakan faktor penting dalam mempelajari sesuatu bahasa. Selain minat, pelajar juga perlu mempunyai pengetahuan dalam bidang yang dipelajari untuk mempraktikkannya dalam komunikasi harian. Masalah utama selepas diperkenalkan dengan pengetahuan asas dalam bahasa Mandarin, kebanyakan pelajar masih berdepan cabaran untuk meningkatkan kemahiran bertutur mereka secara berkesan (Ting & Campbell, 2017). Hal ini mungkin berpunca daripada kekangan dalaman dan luaran yang menyebabkan pelajar kurang berkemahiran dalam pertuturan bahasa Mandarin. Sebahagian besar pelajar mampu menghafal kosa kata baharu yang dipelajari, namun masih gagal menggunakannya dengan berkesan dalam komunikasi lisan. Situasi ini tidak bermaksud mereka tidak berupaya bertutur, tetapi kemahiran yang dimiliki masih terbatas. Sehubungan itu, sokongan terus daripada pihak pengajar atau pensyarah memainkan peranan penting dalam merangka proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih bermakna, seterusnya memberi motivasi kepada pelajar untuk mengatasi kelemahan mereka dalam penguasaan komunikasi bahasa Mandarin. Bagi tujuan tersebut, para pelajar telah didedahkan dengan kaedah pembelajaran menggunakan teknik *role play* sebagai strategi dalam meningkatkan kemahiran bertutur dalam bahasa Mandarin.

Role play merupakan satu teknik dalam kaedah pengajaran yang berpusatkan pelajar atau gaya pengajaran secara interaktif sebagai satu aktiviti dalam bilik darjah. Teknik *role play* adalah satu aktiviti berbahasa yang melibatkan simulasi tingkah laku daripada orang yang diberi peranan tertentu dalam situasi tertentu. Noor Anida et al. (2013). Secara lebih khusus, Ments (1999) mengatakan bahawa *role play* melibatkan seseorang meminta untuk membayangkan bahawa mereka adalah sama ada diri sendiri atau orang lain dalam keadaan tertentu. Mereka boleh mengambil peranan orang sebenar atau diri mereka sendiri. Pelbagai kajian lepas menunjukkan bahawa penerapan teknik *role play* dalam pengajaran memberikan pelbagai manfaat yang signifikan kepada pelajar, terutamanya dalam meningkatkan kemahiran komunikasi dan keyakinan diri mereka. Menurut Joyce dan Weil (2007), pelaksanaan teknik *role play* berupaya meningkatkan keupayaan pelajar untuk menghargai diri sendiri serta memahami perasaan orang lain, di samping memupuk perilaku positif bagi menghadapi situasi mencabar dan mengasah kemahiran penyelesaian masalah. Seiring dengan itu, Pramela (2001) turut menegaskan bahawa teknik ini dapat mempertingkatkan tahap komunikasi pelajar melalui peningkatan interaksi di dalam kelas, sekali gus memotivasikan mereka untuk terus belajar.

Di UiTMCK, teknik *role play* telah lama dipraktikkan dalam pembelajaran dan pengajaran memandangkan para pelajar yang mengikuti kursus bahasa Mandarin ini juga perlu menjalani penilaian berterusan dalam projek bahasa yang juga dikenali sebagai *Role play* atau lakon peranan. Dalam projek *role play*, para pelajar dikehendaki untuk mengubah dan mengingat skrip dialog, berbincang secara berkumpulan dan seterusnya mempersembahkan watak masing-masing mengikut situasi yang dirancang. Secara umumnya teknik pembelajaran adalah lebih bersifat konvensional dengan aktiviti pembelajaran lebih berfokuskan kepada guru, namun melalui teknik *role*

play ini, peranan utama adalah berfokuskan kepada pelajar. Pandian et al. (2011) menjelaskan bahawa faktor utama kelemahan pelajar dalam berkomunikasi ialah sikap enggan terlibat dalam interaksi lisan, disertai kekurangan keyakinan diri untuk menggunakan bahasa asing. Oleh itu, melalui teknik *role play* ini, ia bukan sahaja dapat membantu pelajar bertutur dalam bahasa Mandarin, malah dapat menggalakkan interaksi dalam kelas disamping memupuk motivasi dan keyakinan diri pelajar untuk terus belajar.

Melalui teknik *role play* ini, pelajar yang sebelumnya terlalu bergantung kepada pensyarah akan lebih melibatkan diri dalam aktiviti kelas bersama rakan-rakan dan lebih selesa untuk berkomunikasi dan bertutur dalam bahasa Mandarin. Selain itu, perasaan malu atau bimbang ditertawakan oleh rakan lain akan dapat dikurangkan, perasaan tolong menolong antara satu sama lain akan menyebabkan pelajar menjadi semakin akrab dan lebih terbuka untuk mempraktikkan pertuturan dalam bahasa Mandarin. Mereka juga akan belajar sedikit demi sedikit dari kesalahan yang dilakukan dan di sinilah pensyarah perlu bijak memainkan peranan untuk membuka ruang kepada semua pelajar agar aktif dalam sebarang bentuk aktiviti berbahasa yang dijalankan. Dalam hal ini, teknik *role play* amat sesuai dipraktikkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi mendorong pelajar menguasai kemahiran berkomunikasi dan bertutur dalam bahasa Mandarin.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kursus Bahasa Mandarin Tahap 1 adalah kursus bahasa Mandarin pada peringkat pertama dalam pembelajaran asas bahasa Mandarin. Para pelajar boleh mendaftar kursus ini pada semester 1, 2 dan 3 bergantung pada syarat bidang pengkhususan masing-masing. Untuk kajian ini pemilihan pelajar dilakukan pada peringkat diploma memandangkan pelajar mempunyai lebih masa untuk berinteraksi bersama rakan dan pensyarah kerana masa yang diperuntukkan ialah sebanyak 4 jam seminggu, dengan 2 jam perjumpaan didalam kelas secara bersemuka dan 2 jam lagi ialah perjumpaan secara atas talian melalui platform *google meet*. Kursus ini diperkenalkan bagi membolehkan pelajar menunjukkan kebolehan asas menulis, membaca, mendengar dan bertutur dalam bahasa Mandarin dalam kehidupan harian. Sistem pemarkahan bagi kursus ini adalah seratus peratus daripada penilaian berterusan yang dijalankan sepanjang minggu kuliah yang berlangsung dalam satu semester, iaitu 14 minggu kuliah. Penilaian berterusan yang pertama adalah ujian mendengar (30%) yang dijalankan pada minggu ke-9, seterusnya ujian menulis/kefahaman (30%) pada minggu ke-12 dan tugas secara berkumpulan, iaitu Projek Bahasa Lakon Peranan atau *Role play* (40%) pada minggu ke-13 dan 14.

Dalam projek *role play* ini pensyarah akan bertindak sebagai fasilitator atau pembimbing yang akan membantu pelajar sekiranya terdapat sebarang persoalan atau kemusykilan terhadap tugas ini. Manakala pelajar adalah bertanggungjawab dari aspek menyiapkan skrip lakonan dan menentukan topik untuk kumpulan masing-masing. Dalam projek lakon peranan atau *role play* ini pensyarah akan memberi

tugas kepada pelajar untuk disiapkan dalam tempoh masa yang tertentu dalam bentuk kumpulan antara tiga ke lima orang. Pelajar bebas memilih ahli kumpulan masing-masing. Kemudian satu sesi perbincangan secara berkumpulan akan dilakukan oleh pelajar mengikut butiran yang telah diberikan oleh pensyarah. Pelajar bebas menentukan tema atau topik yang ingin dilakokan terpulang pada kumpulan masing-masing. Mereka juga diberikan tempoh masa untuk menyiapkan skrip lakonan yang kemudiannya akan disemak oleh pensyarah sebelum hari role play dijalankan pada penghujung minggu kuliah.

PERNYATAAN MASALAH

Pembelajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa asing bagi penutur bukan jati bukanlah suatu proses yang mudah, walaupun bagi pelajar yang telah mempelajarinya sejak di sekolah rendah dan menengah. Everson (2009) menegaskan bahawa pelajar sering menghadapi kesukaran dalam menguasai kemahiran literasi, khususnya dalam mengenali dan mengingati aksara Cina, yang seterusnya menjejaskan keupayaan mereka untuk membaca dan bertutur dengan lancar. Selaras dengan itu, kajian Ting dan Campbell (2017) di Malaysia menunjukkan bahawa ramai pelajar mampu menghafal kosa kata baharu, namun masih gagal mengaplikasikannya dalam komunikasi lisan kerana kekangan keyakinan diri, kurang pendedahan kepada persekitaran bahasa Mandarin, serta kebimbangan melakukan kesilapan. Selain itu, pembelajaran bahasa Mandarin juga mempunyai cabaran tersendiri seperti sistem tulisan aksara Hanzi yang tidak berasaskan abjad (Everson, 2011), penggunaan nada (tones) yang berbeza dan mempengaruhi makna perkataan (Chao, 1948; Yip & Rimmington, 2004), serta perbezaan struktur ayat yang ketara berbanding bahasa Melayu (Li & Thompson, 1981).

Situasi ini dapat dilihat turut berlaku turut dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Mandarin di UiTMCK. Pensyarah-pensyarah yang mengajar kursus ini juga menyatakan kebimbangan mereka terhadap pelajar yang mengikuti kursus bahasa Mandarin ini, namun mempunyai masalah atau tidak mampu menguasai kemahiran asas untuk berbahasa Mandarin dengan baik terutamanya kemahiran lisan. Justeru, adalah penting kajian tentang teknik atau strategi yang berkesan dalam komunikasi bahasa Mandarin dijalankan untuk meninjau sejauh manakah penggunaan teknik role play dapat membantu meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Mandarin dalam kalangan pelajar yang mengikuti kursus bahasa Mandarin di UiTMCK.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk memenuhi objektif berikut:

1. Menilai keberkesanan teknik roleplay dalam meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Mandarin dalam kalangan pelajar bukan penutur jati.

PERSOALAN KAJIAN

1. Sejauh mana teknik roleplay dapat menggalakkan komunikasi Bahasa Mandarin dalam kalangan pelajar bukan penutur natif?

METODOLOGI

Kajian dijalankan melibatkan 30 orang pelajar yang sedang mengikuti kursus Bahasa Mandarin Asas Tahap I di UiTM Kelantan yang terdiri daripada 9 orang pelajar lelaki dan 21 orang pelajar perempuan, pelajar-pelajar ini merupakan pelajar peringkat diploma, Pengurusan Teknologi Pejabat (BA132). Kajian ini turut melibatkan tiga orang pensyarah yang mengajar kursus Bahasa Mandarin Asas Tahap I (TMC101). Pensyarah-pensyarah tersebut ditemubual bagi mendapatkan pandangan mereka terhadap pelaksanaan teknik role play dalam pengajaran dan pembelajaran komunikasi bahasa Mandarin. Selain itu, pemerhatian turut dijalankan terhadap pelajar melalui aktiviti role play yang dilaksanakan semasa sesi pembelajaran di dalam kelas. Penilaian turut dibuat berdasarkan projek akhir lakonan yang dijalankan oleh pelajar.

Seperti yang diketahui, terdapat pelbagai teknik pengajaran kemahiran komunikasi bahasa asing yang boleh diaplikasikan. Namun, kajian ini hanya memfokuskan kepada satu teknik sahaja, iaitu teknik role play atau lakon peranan. Fokus utama tertumpu kepada aktiviti lakonan yang dilaksanakan oleh pelajar, yang kemudiannya dirakam dan dijadikan bahan kajian bagi menilai keberkesanan teknik ini dalam meningkatkan kemahiran komunikasi bahasa Mandarin, di samping mengenal pasti masalah yang dihadapi pelajar semasa bertutur dalam bahasa tersebut.

Rakaman lakonan ini berperanan sebagai instrumen kajian yang membolehkan penyelidik memperoleh data pertuturan secara autentik. Selain itu, rakaman tersebut membolehkan penyelidik menontonnya secara berulang bagi tujuan analisis yang lebih teliti dan menyeluruh daripada pelbagai sudut, sekali gus memastikan dapatan kajian menepati kehendak objektif yang telah ditetapkan.

PENGGUNAAN BUKU TEKS

Sebelum projek penilaian akhir Role play dijalankan, para pelajar didedahkan terlebih dahulu tentang teknik ini melalui aktiviti role play yang dijalankan semasa aktiviti pembelajaran di dalam kelas. Aktivi ini dijalankan dengan menggunakan buku teks dari terbitan UiTM Press iaitu Buku Bahasa Mandarin Komunikasi Harian 1 yang digunakan pada Tahap Asas 1. Buku tersebut merupakan panduan kepada pelajar dalam memahami kursus ini. Tajuk-tajuk yang terdapat di dalam buku ini adalah berkisar tentang kehidupan seharian pelajar. Buku ini mengandungi enam topik dengan tajuk-tajuk yang terkandung di dalam buku ini ialah berkenalan dengan kawan, keluarga saya, awak berasal dari mana, sekarang jam berapa, apakah yang sedang awak lakukan dan apakah hobi kamu? Di awal kandungan buku terdapat pengenalan kepada sistem fonetik bahasa Mandarin, terdapat juga banyak kosa kata dan frasa-frasa dalam bahasa Mandarin beserta dialog-dialog bersesuaian dengan topik yang dipelajari. Frasa-

frasa dan juga ayat-ayat yang digunakan juga adalah bersesuaian dengan kehidupan seharian dan persekitaran di Malaysia. Secara tidak langsung buku ini amat berguna kepada pelajar bagi memulakan langkah pertama dalam komunikasi bahasa Mandarin. Selain itu, pencarian maklumat melalui internet sangat digalakkan untuk mendapatkan sumber tambahan yang dapat membantu pelajar menyiapkan tugas dengan lebih baik.

DAPATAN KAJIAN

Hasil temubual dengan tiga orang pensyarah yang mengajar kursus Bahasa Mandarin Asas Tahap I menunjukkan bahawa penerapan teknik *role play* memberikan kesan positif terhadap penguasaan kemahiran komunikasi pelajar. Perubahan ini dapat diperhatikan dengan jelas apabila membandingkan keadaan sebelum dan selepas teknik tersebut dilaksanakan. Pada peringkat awal kursus, pembelajaran lebih tertumpu kepada pensyarah memandangkan ia merupakan tahap permulaan. Pada fasa ini, pensyarah perlu memperkenalkan sistem fonetik bahasa Mandarin serta sistem *pinyin* bagi memastikan pelajar memahami cara membaca dan menyebut perkataan dengan betul. Oleh itu, interaksi kelas lebih bersifat sehalu, di mana pensyarah menyebut bunyi perkataan atau frasa dalam mandarin dan pelajar akan mengikut sebutan pensyarah tersebut. Teknik ini juga dilakukan secara berulang kali agar pelajar dapat menyebut bunyi perkataan tersebut dengan tepat seperti sebutan *ji, qi, xi, zi, si, chi, shi*, dan lain-lain bunyi sebutan yang berbeza dengan sebutan bahasa Melayu. Kebanyakan pelajar hanya mengikut bunyi yang disebutkan oleh pensyarah dan masih bersikap malu dan kurang berkeyakinan kerana tidak yakin dengan cara sebutan mereka. Walaubagaimana pun, selepas beberapa kali sesi pengenalan sistem fonetik diulang, pelajar menjadi lebih berkeyakinan untuk menyebut perkataan dan bertutur dalam bahasa mandarin. Selepas teknik *role play* diperkenalkan, pensyarah mendapati pelajar menjadi lebih aktif, bersemangat, dan yakin untuk bertutur dalam bahasa Mandarin. Suasana pembelajaran juga menjadi lebih aktif dan berpusatkan pelajar. Pelajar berasa gembira kerana diberi peluang memainkan peranan dalam watak-watak tertentu yang terdapat dalam dialog buku teks. Melalui aktiviti *role play*, mereka dapat berkomunikasi dengan rakan-rakan yang lain melalui watak-watak yang dimainkan. Peningkatan kosa kata bahasa Mandarin dalam ayat juga dapat dilihat dalam komunikasi harian di dalam kelas. Pelajar dilihat mampu menggunakan perkataan baharu tersebut dalam situasi yang bersesuaian.

Dalam keadaan ini, peranan pensyarah beralih kepada fasilitator yang memantau aktiviti pembelajaran agar objektif kursus dapat dicapai. Pelaksanaan *role play* dalam aktiviti pengajaran turut membantu membina keyakinan diri pelajar untuk menggunakan bahasa mandarin dalam situasi sebenar, sejajar dengan pandangan Richard-Amato (2003) bahawa kekurangan keyakinan diri boleh menghalang penguasaan bahasa. Penegasan yang sama diberikan oleh Atsuta (2003) bahawa keyakinan diri merupakan elemen penting dalam menyempurnakan tugas komunikasi lisan. Keyakinan yang terbina menjadikan pelajar lebih berani mencuba, bersikap positif, dan dapat mengatasi rasa malu, rendah diri, takut diejek, serta

kebimbangan melakukan kesilapan tatabahasa. Secara tidak langsung, ia memupuk motivasi dan minat untuk terus menggunakan bahasa Mandarin dalam interaksi harian.

PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa teknik *role play* yang diaplikasikan sebagai salah satu pendekatan dalam pengajaran kemahiran komunikasi bahasa Mandarin kepada pelajar UiTM Kelantan memberikan kesan yang signifikan terhadap peningkatan penguasaan mereka. Harmer (2001) menyatakan bahawa *role play* dapat menggalakkan pelajar untuk bertutur secara lebih lancar dan menjiwai peranan dalam pelbagai situasi pembelajaran. Penemuan ini sejajar dengan kajian oleh Rivers (1987) dan Bygate (1987) yang menekankan kepentingan aktiviti interaktif dalam pembelajaran bahasa kedua untuk meningkatkan kefasihan dan keyakinan pelajar. Teknik ini terbukti membantu pelajar diploma yang berada di peringkat permulaan dalam pembelajaran bahasa Mandarin untuk menggunakan bahasa itu dengan berkesan dalam konteks sebenar. Tambahan pula, teknik ini menyediakan asas yang kukuh sebelum pelajar meneruskan ke kursus lanjutan yang mengandungi topik serta aktiviti yang lebih kompleks (Nunan, 1999).

Pada permulaan pelaksanaan, terdapat sebahagian pelajar yang menunjukkan kurangnya kerjasama dalam kumpulan. Keadaan ini boleh dikaitkan dengan kurangnya pengalaman sebelum ini dalam aktiviti itu, disertai rasa malu dan kurang keyakinan untuk berkomunikasi dalam bahasa Mandarin, serta kebimbangan akan kefahaman rakan sekelas (Brown, 2007). Akibatnya, suara mereka semasa membawa watak tersebut menjadi perlahan dan interaksi nampak kurang semula jadi. Namun, selepas beberapa siri aktiviti *role play*, terdapat peningkatan yang ketara dalam penglibatan pelajar. Mereka menjadi lebih proaktif, mampu menjiwai watak dengan lebih baik, serta menghasilkan persembahan yang lebih kreatif dan menarik. Kemahiran komunikasi pelajar turut menunjukkan kemajuan, selain kerjasama kumpulan dan tahap keyakinan diri yang semakin tinggi. Zawawi et al. (2011) menekankan bahawa dalam pengajaran bahasa kedua, bukan sahaja aspek linguistik yang perlu diberi perhatian, malah pembinaan keyakinan diri pelajar sepanjang proses pembelajaran juga adalah sangat penting. Pendapat ini juga disokong oleh Dörnyei (2001) yang menyatakan bahawa motivasi dan keyakinan diri adalah faktor utama dalam pembelajaran bahasa kedua.

Walaupun begitu, beberapa kelemahan dalam penggunaan bahasa Mandarin masih kelihatan, terutama berkaitan pemilihan perkataan, sebutan nada, struktur ayat, dan tatabahasa, yang mana kesemua ini banyak dipengaruhi oleh bahasa ibunda pelajar. Ting dan Mahadhir (2009) mendapati bahawa pelajar Melayu sering menghadapi kesukaran dalam menguasai nada Mandarin, selain kurang yakin menggunakan kosa kata yang dipelajari dalam komunikasi lisan. Dapatan ini seiring dengan pandangan Mohamed dan Lew (2010) yang turut mendapati pelajar Melayu berdepan cabaran besar dalam aspek sebutan nada dan struktur ayat semasa mempelajari bahasa Mandarin. Sesetengah pelajar juga cenderung menggunakan pendekatan terjemahan

secara langsung, iaitu menghasilkan skrip dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris sebelum diterjemahkan ke dalam bahasa Mandarin. Walaupun strategi ini kelihatan dapat membantu pelajar menyusun idea dengan lebih cepat, ia sering menimbulkan masalah apabila struktur ayat dan ungkapan bahasa sumber tidak sejajar dengan sistem linguistik bahasa Mandarin. Akibatnya, mesej yang ingin disampaikan gagal difahami dengan tepat, malah kadangkala membawa kepada salah tafsir makna. Fenomena ini menggambarkan kesan pemindahan bahasa ibunda yang kuat dalam proses pembelajaran bahasa asing (Lado, 1957; Odlin, 1989), dan turut diperhatikan dalam kalangan pembelajar bahasa Mandarin yang lebih bergantung pada bahasa perantara, sekali gus menjejaskan kelancaran komunikasi mereka (Wang, 2010).

Dalam kajian ini, terdapat beberapa kesalahan yang dikesan sering dilakukan oleh pelajar termasuk pemilihan kosa kata yang tidak tepat, masalah sebutan (fonetik) serta isu tatabahasa, khususnya dalam aspek sintaksis dan morfologi. Sebagai contoh, dalam ayat bahasa Melayu, kata adjektif tidak perlu dilengkapi dengan adverba, misalnya saya penat, dan saya sibuk. Namun kata adjektif biasanya perlu dilengkapi dengan adverba dalam ayat bahasa Mandarin. Sebagai contoh 我很累(*wǒ hěn lèi*), 我很忙(*wǒ hěn máng*). Begitu juga dengan struktur ayat dalam bahasa mandarin yang sering ditukar mengikut struktur ayat bahasa Melayu. Sebagai contoh, dalam bahasa Melayu ialah Emak memasak di dapur, tetapi bagi ayat bahasa Mandarin ialah 妈妈在厨房做饭 (*māma zài chúfáng zuòfàn*). Dalam ayat Mandarin ini, struktur Subjek + 在 (*zài*) + tempat + kata kerja digunakan untuk menunjukkan tempat berlakunya sesuatu perbuatan. Dalam ayat ini posisi tempat dan kata kerja adalah berbeza dengan struktur ayat bahasa Melayu. Dari segi pemilihan kosa kata, kesalahan juga sering berlaku. Sebagai contoh, terdapat pelajar yang menggunakan 同学(*tóngxué*) untuk merujuk kepada semua kawan, walaupun kawan itu bukan dari sekolah atau kelas yang sama. Sebagai contoh, ayat 这是我的同学 (*Zhè shì wǒ de tóngxué*) ‘Ini ialah rakan sekelas saya’, sedangkan itu bukan rakan sekelasnya. Ayat yang betul ialah 这是我的朋友 (*Zhè shì wǒ de péngyǒu*) ‘Ini ialah kawan saya’ jika ingin merujuk kepada kawan secara umum.

Selain daripada contoh-contoh yang telah dibincangkan, masih terdapat pelbagai bentuk kesalahan lain yang kerap berlaku ketika pelajar bertutur dalam bahasa Mandarin. Kesalahan-kesalahan ini wajar diperhalusi dan dianalisis dengan lebih mendalam pada masa hadapan agar strategi pengajaran yang lebih berkesan dapat dirangka sekali gus membantu pelajar mengelakkan pengulangan kesalahan yang sama.

CADANGAN

Bagi memperkukuh kemahiran bertutur bahasa Mandarin, pelajar memerlukan latihan berterusan yang dapat membiasakan mereka menggunakan bahasa tersebut dalam pelbagai situasi komunikasi, sama ada formal mahupun tidak formal. Latihan yang bersifat konsisten bukan sahaja meningkatkan kelancaran bertutur, malah membantu

pelajar membina keyakinan diri dan mengurangkan rasa gugup ketika berinteraksi. Kepelbagaian strategi pengajaran dan pembelajaran wajar diterapkan, seperti penggunaan *role play*, simulasi situasi sebenar, dan aktiviti kolaboratif, bagi mewujudkan suasana yang kondusif, menyeronokkan, dan merangsang motivasi intrinsik pelajar untuk berkomunikasi.

Selain itu, pembetulan kesalahan bahasa merupakan komponen penting untuk mengelakkan pengulangan kesilapan yang sama, namun pendekatan pembetulan perlu dilaksanakan secara berhati-hati. Amalan pembetulan selepas aktiviti selesai (*delayed correction*) lebih berkesan kerana memberi ruang kepada pelajar untuk mengekalkan kelancaran komunikasi semasa aktiviti berlangsung. Intervensi secara langsung ketika persembahan bukan sahaja boleh mengganggu aliran komunikasi, malah berpotensi menurunkan tahap keyakinan diri serta mencetuskan perasaan malu atau takut mencuba. Pendekatan pembetulan yang sensitif dan konstruktif dapat membantu pelajar menerima teguran secara positif serta terus bermotivasi untuk memperbaiki prestasi mereka.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, pelaksanaan teknik *role play* terbukti memberi impak positif terhadap peningkatan kemahiran komunikasi bahasa Mandarin dalam kalangan pelajar. Kaedah ini bukan sahaja membantu pelajar mempraktikkan bahasa dalam situasi yang menyerupai keadaan sebenar, malah meningkatkan keyakinan, kelancaran, dan keberanian mereka untuk bertutur. Walau bagaimanapun, keberkesanan teknik ini dapat dipertingkatkan lagi sekiranya digabungkan dengan kaedah pengajaran lain yang saling melengkapi. Pendekatan berpusatkan pelajar yang melibatkan aktiviti interaktif dan penyertaan aktif amat penting bagi memastikan penguasaan bahasa Mandarin dapat dicapai secara lebih menyeluruh.

Rujukan

- Atsuta, H. (2003). *Developing oral communication skills through drama activities*. Tokyo: Sanshusha.
- Brown, H. D. (2007). *Principles of language learning and teaching* (5th ed.). Pearson Education.
- Bygate, M. (1987). *Speaking*. Oxford University Press.
- Chao, Y. R. (1948). *Mandarin primer: An intensive course in spoken Chinese*. Harvard University Press.
- Dörnyei, Z. (2001). *Motivational strategies in the language classroom*. Cambridge University Press.

- Everson, M. E. (2011). *Teaching Chinese as a foreign language: Theories and applications*. Cheng & Tsui.
- Harmer, J. (2001). *The practice of English language teaching* (3rd ed.). Longman.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). Current Population Estimates, Malaysia, 2023. Putrajaya: Department of Statistics Malaysia (DOSM).
<https://www.dosm.gov.my>
- Joyce, B., & Weil, M. (2007). *Models of teaching* (8th ed.). Pearson Education.
- Lado, R. (1957). *Linguistics across cultures: Applied linguistics for language teachers*. Ann Arbor: University of Michigan Press.
- Li, C., & Thompson, S. A. (1981). *Mandarin Chinese: A functional reference grammar*. University of California Press.
- Ments, M. V. (1999). *The effective use of role play: Practical techniques for improving learning*. London: Kogan Page.
- Mohamed, A. R., & Lew, R. (2010). Challenges in learning to speak Mandarin among Malay students in Malaysia. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 10(2), 67–87.
- Noor Anida, A., Normila, N., Nik Murshidah, N. D., Mohd Taufiq, A. T., Zaiton, M., Rahimah, E., & Nik Muniyati, N. D. (2013). Teknik role play dalam kaedah pengajaran komunikasi bahasa Arab di Universiti Sultan Zainal Abidin. *Prosiding International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society (ISLAC 2013)*, 88–99.
- Nunan, D. (1999). *Second language teaching and learning*. Heinle & Heinle.
- Odlin, T. (1989). *Language transfer: Cross-linguistic influence in language learning*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Pandian, A., Tan, S. S. B., & Sheikh Abdul Malik. (2011). *Teaching and learning language: Current trends and practices*. Universiti Sains Malaysia.
- Pramela, K. (2001). A role play activity with distance learners in an English language classroom. *The Internet TESL Journal*, 7(7).
- Richard-Amato, P. A. (2003). *Making it happen: From interactive to participatory language teaching – Theory and practice* (3rd ed.). Pearson Education.
- Rivers, W. M. (1987). *Interactive language teaching*. Cambridge University Press.
- Swain, M., & Lapkin, S. (1995). Problems in output and the cognitive processes they generate: A step towards second language learning. *Applied Linguistics*, 16(3), 371–391.

- Ting, S.-H., & Mahadhir, M. (2009). Attitudes of Malay students towards learning Mandarin in a university in Malaysia. *Language Studies Working Papers, 1*, 35–49.
- Ting, S.-H., & Campbell, Y. M. (2017). Learning Chinese as a foreign language in Malaysia: Students' perspectives. *Indonesian Journal of Applied Linguistics, 7*(2), 333–343. <https://doi.org/10.17509/ijal.v7i2.8359>
- Wang, X. (2010). Problems in learning Chinese as a foreign language. *Journal of Language Teaching and Research, 1*(6), 909–913.
- Yip, P., & Rimmington, D. (2004). *Chinese: A comprehensive grammar*. Routledge.
- Zawawi, M., Jamaludin, R., & Ali, N. (2011). Membangun keyakinan pelajar dalam pembelajaran bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa, 6*(1), 22–34.